

30 JUL 1997

Nawaz-Lawatan

PERDANA MENTERI PAKISTAN MULAKAN LAWATAN ESOK

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif dijadual tiba di sini esok untuk memulakan lawatan tiga hari ke Malaysia bertujuan memperkukuhkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Beliau akan diiringi oleh rombongan 50 anggota terdiri daripada menteri dan ahli perniagaan yang mewakili pelbagai sektor ekonomi Pakistan.

Rombongannya termasuk Menteri Luar Gohar Ayub Khan, Menteri Perdagangan Mohamad Ishaq Dar, Menteri Kewangan Sartaj Aziz dan Pengerusi Suruhanjaya Penschwastaan Pakistan, Khwaja Asif.

Menurut aturcara rasmi lawatan yang dikeluarkan di sini, Perdana Menteri Pakistan itu dijadual mengadakan rundingan dengan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat.

Selepas rundingan, kedua-dua perdana menteri akan menyaksikan pemeteraian beberapa perjanjian bagi projek yang diusahakan oleh ahli perniagaan dari kedua-dua negara.

Pada hari yang sama, beliau akan dikunjungi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kemudian Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin di penginapannya di Regent Hotel di sini.

Beliau akan diwawancara oleh media Malaysia pada lewat petang sebelum menghadiri jamuan malam yang diadakan oleh Dr Mahathir di Sri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri.

Pada Sabtu, beliau akan melawat Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara dekat sini sebelum menyamapiakan ucapan dasar pada satu majlis jamuan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia di Hotel Istana di sini.

Sementara itu, jurucakap Suruhanjaya tinggi Pakistan di sini berkata lawatan Nawaz ialah sebagai membalas lawatan Dr Mahathir ke Pakistan pada April lepas. Beliau menjadi Perdana Menteri Pakistan untuk kali kedua pada Februari tahun ini.

Pemimpin Pakistan itu akan berlepas pulang pada Ahad. -- BERNAMA
AU rn FAZ